



SEJARAH, KONSEP DAN DOKTRIN SYIAH

Oleh:

Ustaz Haji Mohamad bin Haji Ismail

Ahli Jawatankuasa ISMA Pusat

Ketua Unit Kajian Syiah ISMA

Ahli Lembaga Pengarah Aman Palestin

Abstrak

Kertas kerja ini ditulis untuk menjelaskan tentang sejarah, konsep dan doktrin Syiah. Bagi mencapai objektif kajian tersebut penulis telah mengkaji dan merujuk kepada kitab-kitab Syiah dan kitab-kitab Ahli Sunnah. Selain itu penulis juga menggunakan kaedah temubual dengan beberapa orang pengikut Syiah. Penulisan ini lebih banyak merujuk kepada kitab-kitab Syiah, bagi membuktikan dapatan yang dibuat oleh penulis bukan berdasarkan andaian atau tohmahan dari penulis. Kertas kerja ini mengandungi tiga isi utama, iaitu yang pertama menyentuh tentang sejarah kelahiran Syiah, siapa pengasasnya dan apa tujuannya. Kedua menjelaskan tentang konsep pegangan Syiah. Ketiga tentang beberapa doktrin-doktrin yang menjadi teras pegangan Syiah. Penulis mendapati hakikatnya ajaran Syiah diasaskan oleh Yahudi bertopengkan Ahli Bait untuk mengelabui, merosakan dan menghapuskan umat Islam atas nama Islam. Sedangkan Ahli Bait tidak ada hubungan dan tidak ada kaitan dengan dakwaan itu. Ahli Bait berpegang dengan ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah.

PENDAHULUAN

Isu Syiah adalah isu yang lama berlegar dalam pemikiran Umat Islam. Bermula sejak tahun 30 H yang diasaskan oleh Abdullah bin Saba'. Akhirnya gerakan ini berjaya membunuh Saidina Othman Khalifah ar Rasyidin yang ketiga. Kemudian Saidina Ali dilantik menjadi Khalifah ar Rasyidin yang keempat, seterus berlaku krisis peperangan Jamal antara Saidina Ali dengan Saidatina Aisyah, berlaku peperangan Siffin antara Saidina Ali dengan Muawiyah,kedua-dua peperangan ini diadu dombakan oleh talibarut Abdullah bin Saba'. Majlis Tahkim, Saidina Ali dibunuh oleh Abdul Rahman Ibn Majlam, Hasan dilantik menjadi Khalifah, Hasan serah jawatan Khalifah pada Muawiyah berlakulah penyatuan dikalangan umat Islam dipanggil *Ammul Jamaah* tahun penyatuan.

Kemudian Husein dibunuh oleh puak Syiah dari Karbala' tetapi yang dituduh Khalifah Yazid, selepas itu pemberontakan dari al Mukhtar bin Abu Ubaid as Thaqafi. Kemudian selepas lahirlah banyak kelompok Syiah seperti Syiah Imamah, Syiah Bani Buwaih, Syiah Qaramitah, Syiah Abidiyyah, Syiah Fatimiah, dan Syiah Safawiyah dan akhirnya lahir Ayatullah Khomenei. Kesemua puak-puak syiah ini berpegang dengan konsep al Imamah, mentakfir para sahabat radiyah.anhum, al Quran tidak sempurna dan raj'ah. Mereka hanya berbeza pada siapa yang menjadi Imam dan siapa yang dikata al Qaim Imam al Mahdi al Muntazar. Kemelut ini terus berlanjutan sehingga kini dan tidak nampak noktah penyelesaiannya lebih-lebih lagi musuh-musuh Islam jelas Syiah sebagai senjata yang ampuh dalam menghancurkan Islam.

PERKEMBANGAN DEFINASI SYIAH

Definisi Syiah berkembang mengikut fasa perkembangan akidah Syiah itu sendiri. Ini kerana akidah dan pegangan Syiah sentiasa berubah dan berkembang mengikut peredaran masa. Generasi awal Syiah tidak sama dengan generasi yang berikut dan begitulah seterusnya.

Oleh kerana itu generasi awal mereka dinamakan Syiah kerana mereka yang beranggapan Syaidina Ali r.a lebih utama dari Syaidina Othmana r.a, sebagai contoh perkataan *syi'ie* bermaksud orang-orang yang memberi keutamaan kepada Syaidina Ali r.a lebih daripada Syaidina Othman r.a, ada pun perkataan *Othmani* bermaksud orang-orang yang memberi keutamaan kepada Syaidina Othman r.a lebih daripada Syaidina Ali r.a.

Generasi awal Syiah dinamakan Syiah kerana mereka mengutamakan Ali r.a ke atas Othman r.a. Sekali pun dipanggil Syiah tetapi mereka termasuk ahli sunnah wal jamaah kerana isu Othman r.a dan Ali r.a bukan perkara usul yang menyesatkan pandangan yang berlawanan.

Imam Az Zahabi berkata “Syiah yang eksterim pada zaman salaf dikenali kerana mereka mencerca, memaki hamun dan mengkafirkan Syaidina Othman, Az-Zubair, Talhah, Muawiyah dan sesiapa yang memerangi Syadina Ali r.a. Syiah eksterim zaman sekarang dikenali kerana mereka yang menkafirkan sahabat-sahabat r.a dan mengatakan mereka tidak ada hubungan dengan Syaidina Abu Bakar r.a dan Syaidina Omar al Khattab r.a”¹

¹ Az Zahabi-Mizan al I'tidal

Justeru itu pengertian Syiah berkembang mengikut perubahan fasa dan zaman. Begitu juga mereka berpecah berbagai kumpulan dan puak kerana perbezaan imam-imam.

Hakikatnya Syiah bukanlah pengikut Ali r.a. Mereka hanya mendakwa sebagai pengikut Ali tetapi mereka yang menentang dan membunuh Ali. Para Ilmuan Islam menamakan mereka *Ar-Rafidhah* yang membawa maksud mereka yang menisahkan diri mereka sebagai pengikut Ali.²

Seorang tokoh Syiah dari Kufah yang bernama Abu Ishak as Sobi'ie berkata Syiah Kufah adalah' Alawiyin' (pengikut Ali). Golongan ini pada asalnya hanya melebihkan Syaidina Ali ke atas Syaidina Othman bin Affan.

Sejak generasi pertama lagi sudah ada golongan pelampau dari kalangan pengikut Syiah. Mereka telah memburukkan orang-orang yang dikatakan oleh mereka sebagai penentang Ali seperti Othman, Az Zubair, Talhah, Muawiyah, Aisyah dan lain-lain lagi.

SEJARAH KELAHIRAN SYIAH

Ada berbagai pendapat dikalangan puak-puak Syiah tentang kelahiran fikrah Syiah. Diantaranya puak-puak Syiah mendakwa:

- a. Perkataan Syiah ini lahir sebelum kebangkitan Nabi saw. Golongan ini mendakwa Allah tidak akan mengutus seorang nabi melainkan ia menyeru kepada *Imamah Ali* secara suka atau tidak suka. Golongan ini berhujah dengan hadis mereka dari Abi Hasan berkata '*Walayah Ali'*

2 Minhaj As Sunnah (2/106)

tertulis dalam semua suhf nabi-nabi, dan Allah tidak akan mengutuskan Rasul melainkan dengan kenabian Muhammad saw dan wasinya iaitu Ali.³ Abi Abdullah berkata; Walayah kami adalah walayah Allah, tidak ada seorang nabi pun diutus kecuali dengan walayah.⁴

Kenapa riwayat-riwayat ini hanya terdapat dalam riwayat Syiah Rafidhah sahaja? Dan kenapa ia tidak disebut dalam al Quran jika benar Allah tidak akan mengutus nabi kecuali ia menyeru kepada walayah Ali?

Kita tahu bahawa Rasul-rasul dan Nabi yang diutuskan untuk menyeru manusia menjadi hamba Allah atau mentauhidkan Allah dan menjauhi taghut-taghut.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Kami tidak mengutus seorang rasul pun sebelum engkau (Muhammad), melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa tidak ada tuhan yang berhak disembah selain Aku maka sembahlah Aku”.⁵

“Dan sesungguh Kami telah mengutuskan pada setiap umat seorang rasul yang menyeru sembahlah Allah dan jauhilah taghut” .⁶

3 Al Kulaini-Usul al Kafi (1/437)

4 An Nuri at Tabrasi-Mustadrak al Wasail (2/195) al Maalim al Zulfa m/s303

5 Al Anbiya’;25

Begitu juga Rasulullah saw telah bersabda yang bermaksud “Aku diperintah supaya memerangi manusia sehingga mereka menyaksikan bahawa sungguh tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah rasulullah..”⁷

b. Syiah Rafidhah mendakwa bahawa Nabi saw yang menanam asas benih Syiah. Syiah lahir di zaman Nabi saw kerana ada beberapa orang sahabat yang menjadi puak atau pengikut Ali. Seorang tokoh Syiah yang bernama al-Qumi mendakwa bahawa puak Syiah yang pertama adalah puak Syiah Ali bin Abi Talib, dikenali muslimun Syiah Ali pada zaman Nabi saw dan berpendapat Imamah hanya untuk Ali. Mereka terdiri dari al-Miqdad bin Aswad al-Kindi, Salman al-Farisi, Abu Dzar Jundub bin Junadah al-Ghifari dan Ammar bin Yaser al-Mudhaji. Merekalah yang pertama dikenali dengan Syiah dikalangan umat ini.⁸ Pendapat ini dipersetujui oleh an-Naubakti ⁹dan ar-Razi seorang tokoh Syiah Ismailiah, Muhammad Al Kashif al Ghi'tha¹⁰ serta Muhammad Jauwad Magniah¹¹

6 An Nahl;36

7 Riwayat Bukhari/Muslim

8 Al Maqalat wal Firaq m/s;15

9 Firaq as Syiah m/s17

10 Aslu as Syiah m/s43

11 Ishna 'Ashar wa ahli Bait m/s29

Kenapa puak Syiah mendakwa sedemikian?

- i. Kerana mereka hendak menolak bahawa perkataan Syiah bukan berasal dari perkataan *ajnabiah* (asing), tetapi mereka hendak mengatakan bahawa perkataan Syiah adalah perkataan yang syari'e atau Islami.
- ii. Dakwaan tersebut tidak ada dalil dari al Quran dan hadis. Begitu juga tidak ada fakta sejarah pun. Ia hanya rekaan puak Syiah. Pandangan ini adalah bercanggah dengan ajaran Islam, sedangkan Allah berfirman maksudnya “Sesungguhnya agama di sisi Allah adalah Islam”¹² dan bukan ajaran Syiah.

Ulamak Syiah yang bernama Muhammad al Kashif al Ghitha berkata pada zaman Abu Bakar dan Umar Syiah tidak ada peluang untuk muncul, kerana Islam berada di atas manhaj yang lurus.¹³

Begitu juga Muhammad Husein al A'mili mengiktiraf bahawa perkataan Syiah telah diabaikan selepas perlantikan Syaidina Abu Bakar sebagai

12 Ali Imran;19

13 Aslu as Syiah m/s48

khalifah, dan kesatuan umat Islam terus kekal hingga di akhir khalifah Othman.¹⁴

Sebenarnya nama Syiah bukan diabaikan, memang pada asalnya perkataan itu tidak wujud pun. Adakah umat Islam semasa zaman Nabi saw ada Syiah dan ada kumpulan lain? Dan adakah pada masa khalifah Abu Bakar, Umar dan Othman radhiyallahu anhum baru umat Islam bersatu?

- iii. Dakwaan Syiah yang mengatakan hanya Ammar, Abu Dzar, Miqdad dan Salman yang dikenali dengan muslimun Syiah juga tidak ada nas dan bukti sejarah, bahkan ia adalah satu pendustaan kerana menolak keimanan Abu Bakar, Omar, Othman dan para sahabat yang lain.

Ibnu al Murtadha seorang Syiah dari puak Zaidiah berkata: “Sesungguhnya puak Syiah mendakwa bahawa Ammar, Abu Dzar al-Ghfari, al-Miqdad bin al-Aswad dan Salman al Farisi adalah generasi awal Syiah. Mereka mengatakan ‘imamah’ adalah hak Ali. Semua itu adalah dusta, kerana mereka tidak membebaskan diri dari Abu Bakar dan Umar dan juga tidak memaki hamun Abu Bakar dan Umar.

14 As Syiah fi at Tarikh m/s 39-40

Sedangkan Ammar menjadi gabenor di Kufah¹⁵ dan begitu juga Salman menjadi gabenor di Madain semasa Umar menjadi khalifah¹⁶.”¹⁷

- c. Pendapat Ibnu Nadim “perkataan Syiah lahir ketika perang Jamal ketika Syaidina Ali keluar untuk memerangi Talhah dan Zubair supaya kembali ke jalan Allah. Orang-orang yang keluar bersama Ali pada hari tersebut dinamakan Syiah.”

Ini adalah pendapat peribadi Ibnu Nadim. Sekali pun ia dikatakan sebagai sejarah kemunculan perkataan Syiah kerana ia lahir dari ucapan ‘*haza Syiahti*’. Yang bermaksud *al ansar* (penolong) *dan al ittiba’* (pengikut) bukan bermaksud Ali yang berhak menjadi Imamah selepas wafat nabi saw. Berdasarkan fakta sejarah perkataan *Syiahti* juga digunakan oleh Muawiyah.

15 Ibnu A’thir-Asad al Ghabah(4/64) ; Ibnu Hajar- Al Isobah(2/506 ; Ibnu Abdul al Birr-Al Isti’ab (2/473)

16 Tabaqat Ibnu Saad (4/87)

17 Al Maniiyah wal Amal m/s 124-125

PENDAPAT SOHIH BERKENAAN SEJARAH KELAHIRAN SYIAH

Syiah sebagai fikrah dan akidah tidak lahir secara mengejut. Ia berkembang mengikut fasa perkembangan akidah Syiah itu sendiri. Ini kerana akidah dan pegangan Syiah sentiasa berubah dan berkembang mengikut peredaran masa.

Asal-usul fikrah dan akidah Syiah lahir melalui ciptaan Abdullah bin Saba'. Perkara ini diakui dan diiktiraf dalam buku-buku rujukan Syiah. Sebagai contoh Abdullah bin Saba' adalah orang yang pertama mengatakan '*imamah*' adalah hak Ali dan Ali adalah '*wasi Muhammad*' yang bermaksud pewaris Muhammad. Inilah yang dijadikan bukti Ali sebagai '*imamah*' dan '*wasi*' selepas Nabi saw. '*Imamah*' adalah asas atau rukun utama akidah Syiah.

Buku-buku Syiah juga mengakui bahawa Abdullah bin Saba' (Ibnu Saba') dan pengikut-pengikutnya yang pertama mencela Abu Bakar, Umar dan Othman daan para sahabat radhiyalLah anhum. Sikap dan pendirian ini, bukan sahaja terdapat dalam buku-buku lama Syiah bahkan ulama'-ulama' mereka sehingga kini tanpa segan-silu mencerca, menghina dan menkafir Khalifah Abu Bakar, Umar al-Khatab, Othman radhiyalLah .Anhum, sebagai contoh mereka kata Khalifah Abu Bakar dan Umar al Khatab '*taghut*'.

Begitu juga Ibnu Saba' adalah orang pertama mengatakan '*raj'ah Ali*'¹⁸ yang bermaksud Ali akan dibangkitkan bersama pengikut-pengikutnya semasa kemunculan Imam Mahdi al Muntazar. '*Ar Raj'ah*' termasuk dalam perkara usul akidah Syiah. Ibnu Saba' juga mengatakan Ali dan ahli bait memiliki ilmu khusus tentang perkara ghaib atau ilmu rahsia.

Ulamak ahli sunnah dan ulamak Syiah bersepakat bahawa Abdullah bin Saba' adalah orang yang pertama menanam benih fikrah dan akidah Syiah. Begitu juga mereka bersepakat mengatakan bahawa Abdullah bin Saba' memang seorang yang benar-benar wujud bukan khayalan atau dogeng. Antaranya Saad bin Abdullah al Qummi seorang tokoh ulamak Syiah yang mati pada tahun 301 H mengakui hakikat kewujudan Abdullah bin Saba', dia menyebut nama-nama pengikut yang berkomplot dengan Abdullah bin Saba'. Mereka dikenali dengan puak '*as Sabai'yah*'. Mereka juga adalah kumpulan pelampau yang pertama dalam sejarah umat Islam. Ibnu Saba' adalah orang yang pertama mencela dan melaknat Abu Bakar, Umar, Othman dan para sahabat radhiyalLahu anhum dan mengatakan tidak ada hubungan dengan mereka. Dia mendakwa Ali yang menyuruhnya berbuat demikian. Al-Qumi juga menyebut berita Abdullah bin Saba' mencela Abu Bakar, Umar, Othman dan para sahabat telah sampai kepada Ali lalu beliau

18 Al Qummi-Al Maqalat wal Firaq m/s 21

memerintah supaya Ibnu Saba' di bunuh, kemudian ditukar supaya Ibnu Saba' dibuang negeri ke al Madain¹⁹

Hakikatnya ajaran Syiah diasaskan oleh Yahudi bertopengkan Ahli Bait untuk mengelabui, merosakan dan menghapuskan umat Islam atas nama Islam. Sedangkan Ahli Bait tidak ada hubungan dan tidak ada kaitan dengan dakwaan itu. Ahli Bait berpegang dengan ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah.

KENAPA SYIAH IMAMAH

Perkataan Imamah telah dimonopoli oleh golongan yang berpendapat Saidina Ali adalah Imam selepas Nabi saw melalui dalil yang jelas menyebut nama Ali. Ash-Sharustani: Golongan yang mengikut Saidina Ali secara khusus serta menyatakan imamah Ali melalui nas dan wasiat samada secara jelas atau sembunyi. Mereka juga berpegang imamah hanya dipilih dari kalangan anak-anaknya.

Sekiranya berlaku perpindahan Imamah kepada selain daripada Ali dan ahli baitnya, ia merupakan satu kezaliman dan jika perpindahan berlaku kepada orang lain melalui mereka ia adalah satu taqiyyah.²⁰

19 Al Maqalat wal Firaq m/s 20

20 Al-Milal wan Nihal, As-Syahrustani; jil 1 ms 146 Jilid

Bila menelusuri sejarah kita dapati Syiah berpegang dengan dasar ini adalah kumpulan Saba'iyah, kemudian mereka menyelinap masuk dalam gerakan al Mukhtar bin Abi Ubaid as Thaqafi menentang Khalifah Umayyah kerana membala dendam atas kematian Saidina Husein. Beliau cuba memujuk Zaid bin Ali bin Husein untuk memberontak ke atas Khalifah dan mereka berbaiah dengan Zaid.

Kemudian dikenali dengan Syiah Rafidhah kerana mereka menolak pandangan yang di berikan oleh Zaid bin Ali bin Husein ketika beliau ditanya oleh mereka apa pandangan kamu terhadap Abu Bakar dan Umar? Zaid menjawab; "Aku tidak mendengar daripada Ahli Bait mengatakan sesuatu yang tidak baik terhadap mereka berdua. Lalu pengikut-pengikut Zaid menolak pandangannya. Lalu Zaid menamakan mereka sebagai Rafidhah."²¹

Selepas itu mereka dikenali dengan Imamiah Ishna A'shariyah sehingga kini. Hari ini secara umumnya, semua golongan Syiah berpegang dengan konsep Imamah. Ini kerana ia merupakan dasar utama dalam fahaman Syiah. Bila disebut Syiah Imamah secara spontan dikenali sebagai *Syiah Ishna A'shariah* iaitu Syiah Imam 12. Ini kerana mereka memiliki Negara iaitu Iran dan dominasi pengaruhnya dikalangan Syiah di seluruh dunia.

Antara pegangan mereka tidak berubah sejak diasas oleh Abdullah bin Saba' sehingga kini seperti berikut:-

- a. Imamah adalah hak Ali.
- b. Mendakwa Ali sebagai Tuhan.

21 Al Bad'u wat Tarikh oleh al Maqdisi jil 5 ms 235

- c. Imam selepas Hasan dan Husein seterus adalah zuriat Husein diakhiri dengan al Qaim[Muhammad bin Hasan Askari].
- d. Melepas diri dari Abu Bakar dan Umar dan seterus mengkafirkan para sahabat radiyallah.anhum.
- e. Mengatakan Ali tidak mati dan Alilah Imam Mahdi al Muntazar.
- f. Mendakwa raj'ah iaitu kebangkitan Ali dan pengikut-pengikutnya ketika kemunculan Imam al Mahdi.
- g. Mendakwa Ali dan Ahli Bait memiliki ilmu khusus tentang perkara ghaib.
- h. Al Mukhtar Ibnu Abi Ubaid as Thaqafi orang yang pertama mendakwa berlaku al Bada'.²²
- i. Imam-Imam bersifat maksum.

KONSEP TASAWWUR SYIAH

Konsep Syiah amat berbeza dengan Ahli Sunnah.

22 Al Kamil fi Tarikh jil 4 ms 271-272

Kenyataan ini merujuk kepada riwayat yang disandarkan kepada Jaafar. Beliau berkata ‘Sesungghnya setiap hukum yang bercanggah dengan *al-amma* [Ahli Sunnah wal Jamaah] maka kita terima dan tinggal apa yang mereka sepakati. Apa pandangan engkau jika dua orang faqeh yang memahami al Quran dan as Sunnah dan kami dapati ada salah satu hadis bertepatan dengan Ahli Sunnah dan satu lagi hadis bercanggah dengan mereka. Mana satu yang perlu kami terima? Dia menjawab; Ambillah apa yang bercanggah dengan mereka kerana terdapat padanya petunjuk. Apa pandangan engkau jika kedua-dua hadis itu bertepatan dengan mereka? Dia menjawab “Perhatikanlah apa yang mereka suka dan apa yang disukai oleh pemerintah serta qadhi mereka, maka ambillah apa yang bercanggah dengan perkara yang mereka sukai.”²³

Konsep Syiah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah wal Jamaah bertambah jelas, bila saya merujuk kenyataan seorang tokoh Syiah yang bernama Nikmatullah al Jazairi telah mengiklankan bahawa Syiah tidak ada hubungan atau tidak ada kaitan dengan umat Islam kata beliau;

لَمْ نجتمع معهم على إلهٍ ولا نبِيٍّ ولا عَلِيٌّ إمامٌ، وَذَلِكَ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ: إِنَّ رَبَّهُمْ هُوَ الَّذِي كَانَ
مُحَمَّدٌ ^ نَبِيًّا، وَخَلِيفَتِهِ بَعْدَهُ أَبُو بَكْرٍ، وَنَحْنُ لَا نَقُولُ بِهَذَا الرَّبِّ وَلَا بِذَلِكَ النَّبِيِّ، بَلْ نَقُولُ إِنَّ
«الَّرَّبُّ الَّذِي خَلِيفَتِهِ نَبِيُّهُ أَبُو بَكْرٍ لَيْسَ رِبُّنَا وَلَا ذَلِكَ النَّبِيُّ نَبِيُّنَا»

Beliau berkata “Tuhan kami tidak sama dengan tuhan mereka, nabi kami tidak sama dengan nabi mereka dan imam kami tidak sama dengan imam mereka. Ini kerana mereka berkata bahawa sesungguhnya tuhan yang telah

23 Usul min al Kafi Kitab Fadhlul ‘ilm, Bab Ikhtilaf Hadis jil 1 ms 68

menjadikan Abu Bakar sebagai khalifah selepas nabi saw. Kami berkata ia bukan tuhan kami dan bukan nabi kami.”²⁴

Berdasarkan riwayat-riwayat ini dapatlah kita simpulkan bahawa Syiah adalah satu konsep terlalu asing dan songsang dengan ajaran Islam. Kenapa Syiah songsang dari ajaran Islam?

Ini kerana berbeza disegi konsep. Mereka mengatakan bila sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah, itulah petunjuk bagi ajaran Syiah. Mereka mengatakan Tuhan mereka tidak sama dengan Tuhan kita. Mereka mengatakan Nabi mereka tidak sama dengan Nabi kita. Mereka mengatakan imam mereka tidak sama dengan imam kita. Oleh itu dimana lagi titik persamaan antara Ahli Sunnah wal Jamaah dengan Syiah. Tentulah tidak ada titik pertemuan diantara Ahli Sunnah wal Jamaah dengan Syiah.

DOKTRIN-DOKTRIN SYIAH

Perbezaan ini dapat kita lihat dengan jelas dan ketara, bila kita mengkaji tentang doktrin-doktrin yang menjadi pegangan mereka.

24 Anwr al Nu'maniyah, jil 2 ms 278

AL IMAMAH/AL WALAYAH DISISI IMAM 12

Imamah disisi Syiah adalah perkara usul dan asas dalam pegangan mereka. Semua perkara ada kaitan dengan Imamah. Samada aqidah, tafsir, hadis, kefahaman bahkan semua ilmu berpaksikan imamah.

Orang pertama yang membicarakan tentang imamah adalah *Abdullah bin Saba'* seorang yahudi keturunan Yaman. Dialah yang menyebarkan fahaman imamah. Imamah adalah pewaris nabi. Ia berkata 'Ali adalah wasi kepada nabi'. Jika dilantik selain Ali sebagai pengganti selepas Nabi saw, maka wajib bagi pengikut Syiah tidak memberi *wala'* taat setia kepada pelantikan tersebut. Bahkan beliaulah orang yang pertama mengkafirkan perampas hak Ali. Buku-buku Syiah mengakui bahawa 'Abdullah bin Saba' yang mempopularkan Imamah Ali, dan berlepas diri dari musuh-musuh Ali. Dialah yang mendedahkan orang-orang yang bercanggah dengan Ali dan mengkafirkan mereka'.²⁵

كان أَوْلُ مِنْ أَشْهَرِ الْقَوْلِ بِفِرْضِ إِمَامَةِ عَلَيٍّ، وَأَظْهَرَ الْبَرَاءَةَ مِنْ أَعْدَائِهِ، وَكَاشَفَ مُخَالَفِيهِ

(وَكَفَرُهُمْ)

Ini diakui oleh Muhammad Husein al Kaashif al Ghitha salah seorang rujukan Syiah pada masa ini berkata "Imamah adalah lantikan dari tuhan sama seperti perlantikan nabi. Allah memilih sesiapa yang dikehendaki dari hambaNya untuk menjadi nabi dan membawa risalah yang disokong dengan mukjizat. Mukjizat adalah nas/bukti dari Allah atas perlantikan sebagai nabi. Maka begitu

25 Rijal al Kashi m/s 108-109, al Qummi;al Maqalat wa Firaq m/s 20,, an Naubakhti;Firaq Syiah m/s 22

juga Allah memilih Imamah, sesiapa yang dikehendaki dari hambaNya dan memerintah nabi supaya melantik dan menentukan Imam selepasnya.”²⁶

PENGENALAN IMAMAH

Perbincangan ini akan fokus kepada mazhab Imam 12 kerana ia merupakan pegangan majoriti pengikut Syiah dan menjadi pegangan resmi kerajaan Iran. Menurut Syiah Imam 12: al Imamah adalah ‘*istimrar an nubuwah*’ yang bermaksud penerus kenabian atau pewaris nabi. Oleh itu Syiah mengatakan bahawa penerus kenabian adalah manusia pilihan Allah dan NabiNya. Mereka mengatakan bahawa Rasulullah saw telah menyebutkan tentang ‘imam’ secara terang iaitu dalil Ghadir Kham “*Man kuntu maulahu fa Ali maulahu*” Maksudnya “Sesiapa yang menjadikan aku pemimpinnya maka Ali lah pemimpinnya.”

SIAPAKAH IMAM 12?

Mereka ialah kelompok yang mempercayai bahawa terdapat 12 imam sahaja yang berhak mendapat imamah, iaitu:

- 1 Ali b. Abi Talib (Abu Hasan al-Murtadha) w: 40
2. Hassan b. Ali (Abu Muhammad az-Zaki) w: 49 H
3. Hussain b. Ali (Abu Abdullah ash-Shahid) w: 61 H
4. Ali b. Hussain (Ali Zainul Abidin as-sajjad) w: 94 H

26 Aslus Syiah wa Usuliha m/s 58

5. Muhammad b. Ali (Abu Ja'far al-Baqir) w: 117 H
6. Ja'far bin Muhammad (Abu Abdullah as-Sodiq)
7. Musa bin Ja'far (al-Kazim) w: 187 H
8. Ali bin Musa (Abu Hassan Ali ar-Redha) w: 203H
9. Muhammad bin Ali (Abu Ja'far al-Jawwad) w: 220 H
10. Ali bin Muhammad (al-Hadi at-Taqi) w: 254 H
11. Al-Hassan bin Ali (al-Ashkari) w: 260 H
12. Abul Qasim Muhammad bin Hassan al-Mahdi (imam muntazar) dilahirkan tahun 256 H.

Imam-imam ini tidak berpegang dengan konsep al-Imamah seperti yang dipegang oleh Syiah Imam 12. Bahkan imam-imam ini tidak terlibat dan tidak ada hubungan dengan apa yang didakwa oleh mereka. Mereka hanya bertopengkan *Ahli Bait* yang terdiri dari keluarga Ali dan Fatimah, Hasan, Husein dan seterusnya zuriat Husein sebagai Imam-imam mereka dan sebagai perisai untuk mempengaruhi umat Islam, kerana jika tidak disandarkan kepada ahli bait nescaya tidak ada umat Islam yang terpedaya dengan mereka.

KEDUDUKAN IMAMAH

Imamah mempunyai kedudukan yang tinggi disisi Syiah. An Naubakhti menyebut imamah adalah perkara yang paling besar selepas nabi. Manakala al Kaashif al Ghitha mengatakan;

منصب إلهي كالنبوة

maksudnya “Imamah adalah lantikan dari tuhan sama seperti perlantikan nabi”²⁷.

Kata Nikmatullah al Jazairi;

الإمامـة العـامـة الـتـي هـي فـوـق درـجـة النـبـوـة والـرسـالـة²⁸

maksudnya “Imamah yang umum darjatnya lebih tinggi dari nabi dan risalah.”

Ini diantara hadis Syiah yang menjelaskan tentang kedudukan Imamah disisi Syiah

روى الكليني بسندہ عن أبي جعفر قال: «بني الإسلام على خمس: على الصلاة والزكاة والصوم والحجّ والولایة، ولم يناد بشيء كما نودي بالولایة، فأخذ الناس بأربع وتركوا هذه - يعني الولاية -

Al-Kulaini meriwayatkan daripada Fudhail daripada Abi Jaafar a.s. Kata beliau: “Islam ditegakkan di atas lima perkara; sembahyang, zakat, puasa, haji dan walayah. Tidak ada satu pun daripada rukun-rukun yang tersebut yang diseru

27 Aslus Syiah wa Usuliha m/s 58

28 Zahru ar Rabie' m/s 12

sebagaimana seruan yang diberikan kepada al Walayah. Lalu manusia mengambil keempat-empatnya dan meninggalkan yang ini, iaitu walayah.”²⁹

Perhatikan mereka telah menggugurkan dua kalimah syahadah dan menggantikan dengan *al walayah* atau *al Imamah* dan mengatakan ia sebagai rukun yang paling utama. Juga sebagai syarat penerimaan segala amalan dan syarat masuk ke syurga.

APA HUKUM ENGKAR KEPADA IMAMAH?

Pada pandangan Syiah Imam 12 sesiapa yang mengengkari salah seorang dari imam 12 hukumnya adalah kafir dan kekal di dalam neraka

قال ابن بابويه: «واعتقادنا فمن جحد إمامـة أمـير المؤمنـين والـأئمـة من بعـده أـنـه بـمـنـزـلـة مـنـ جـحـد نـبـوـة الـأـنـبـيـاء . واعـتقـادـنـا فـيـمـنـ أـقـرـ بـأـمـيرـ المـؤـمـنـينـ وـأـنـكـرـ وـاحـدـاـ منـ بـعـدـهـ مـنـ الـأـئـمـةـ أـنـهـ بـمـنـزـلـةـ مـنـ آـمـنـ بـجـمـيعـ الـأـنـبـيـاءـ ثـمـ أـنـكـرـ نـبـوـةـ مـحـمـدـ

Kata Ibnu Babawaih “”Pegangan kami maka sesiapa yang menolak keimaman Amirul Mukminin dan imam-imam selepasnya, bahawa sesungguhnya adalah sama dengan sesiapa yang menolak kenabian para nabi-nabi, dan pegangan kami juga sesiapa yang mengakui Amirul Mukminin (Ali r.a) dan menolak seorang daripada imam-imam selepasnya adalah sama dengan sesiapa yang beriman dengan semua nabi-nabi tetapi menolak kenabian Nabi Muhammad saw.”³⁰

29 Al Kulaini Usul min al Kafi Jil2/ms 20

30 Al Iktiqadat m/s111, Biharul Anwar 62/27

Dalil ini menjadikan Syiah Imam 12 bukan sekadar mengkafirkan ahli sunnah sahaja, bahkan juga telah mengkafirkan kumpulan-kumpulan Syiah yang lain dari Syiah Imam 12. Begitu juga dengan al Mufid seorang tokoh Syiah berkata:

فِي قَوْلٍ: «أَتَقْرَبَتِ الْإِمَامَيْةُ عَلَى أَنَّ مَنْ أَنْكَرَ إِمَامَةً أَحَدًا مِنَ الْأَئِمَّةِ وَجَهَدَ مَا أَوجَبَهُ اللَّهُ تَعَالَى لِهِ مِنْ فِرْضِ الطَّاعَةِ فَهُوَ كَافِرٌ ضَالٌّ مُسْتَحْقٌ لِلْخَلْوَةِ فِي النَّارِ»

Beliau berkata “Syiah Imamiah bersepakat bahawa sesiapa yang mengengkari salah seorang daripada imam-imam dan dia menolak apa yang diwajibkan oleh Allah ke atasnya dari fardhu ketaatan maka dia adalah kafir yang sesat dan layak kekal dalam neraka.”³¹

Disebabkan isu imamah inilah, sehingga seorang tokoh Syiah Nikmatullah al Jazairi telah mengiklankan bahawa Syiah tidak ada hubungan atau tidak ada kaitan dengan umat Islam kata beliau;

لَمْ يَجْتَمِعْ مَعْهُمْ عَلَى إِلَهٍ وَلَا نَبِيٍّ وَلَا عَلَى إِمَامٍ، وَذَلِكَ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ: إِنَّ رَبَّهُمْ هُوَ الَّذِي كَانَ مُحَمَّدٌ^٨ نَبِيًّا، وَخَلِيفَتِهِ بَعْدَهُ أَبُو بَكْرٍ، وَنَحْنُ لَا نَقُولُ بِهَذَا الرَّبِّ وَلَا بِذَلِكَ النَّبِيِّ، بَلْ نَقُولُ إِنَّ

«الَّرَبَّ الَّذِي خَلِيفَتِهِ نَبِيُّهُ أَبُو بَكْرٍ لَيْسَ رَبُّنَا وَلَا ذَلِكَ النَّبِيُّ نَبِيُّنَا»

Beliau berkata “Tuhan kami tidak sama dengan tuhan mereka, nabi kami tidak sama dengan nabi mereka dan imam kami tidak sama dengan imam mereka. Ini kerana mereka berkata bahawa sesungguhnya tuhan yang telah menjadikan Abu

31 Al Masail lil Mufid dinaqal oleh al Majlisi dalam kitab Biharul Anwar jil8/ ms366

Bakar sebagai khalifah selepas nabi saw. Kami berkata ia bukan tuhan kami dan bukan nabi kami.”³²

IMAMAH ADALAH MAKSUM

Al Majlisi pengarang kitab Biharul Anwar berkata;

اعلم أن الإمامية اتفقوا على عصمة الأئمة - عليهم السلام - من الذنوب - صغيرها وكبيرها»
- فلا يقع منهم ذنب أصلًا ولا عمداً ولا نسياناً ولا الخطأ في التأويل ولا للإساءة من الله
«سبحانه»

Beliau berkata “ketahuilah sesungguhnya Syiah Imamiah bersepakat bahawa imam-imam adalah maksum (terpelihara) dari dosa kecil dan dosa besar. Imam-imam tidak melakukan dosa secara sengaja atau lupa atau tersilap dalam takwil dan tidak terleka dari Allah SWT.”³³

Maksum yang digambarkan oleh al-Majlisi, dan dia mengatakan Syiah telah bersepakat atas perkara tersebut adalah maksum yang sempurna. Maksum seperti ini tidak berlaku pada nabi-nabi alaihimus salam seperti apa yang telah dijelaskan oleh al Quran, as Sunnah dan Ijma’.

Penafian sifat lalai dan lupa daripada imam-imam seolah-olah mereka menyamakan imam-imam dengan sifat Allah SWT yang tidak mengantuk dan tidur. Ada seorang telah bertanya kepada ar Ridha, katanya ada kaum di Kufah, mereka

32 Al Anwar lil Nukmaniyyah jil 2/ms279

33 Biharul Anwar jil 25/ms 211, Mir'atul Uqul jil4/ms352

mendakwa tidak berlaku kelalaian pada Nabi saw dalam bersembahyang. Lalu beliau menjawab; mereka berbohong dan Allah telah melaknatkan mereka, kerana yang tidak lalai hanya Allah SWT sahaja, tiada Tuhan melainkan Dia.³⁴

Dakwaan ini dapat disangkal dengan mudah kerana percanggahan yang jelas dikalangan tokoh-tokoh Syiah, begitu juga dalam riwayat-riwayat mereka. Contoh apa yang disebut oleh al Qumi dan an Naubakhti selepas dari pembunuhan Husein.

Peristiwa pembunuhan Husein menyebabkan berlaku banyak perselisihan pendapat antara tokoh-tokoh Syiah. Mereka berbalah antara apa yang dilakukan oleh Hassan dan apa yang dilakukan oleh Husein. Jika Hassan menyerah jawatan khalifah kepada Muawiyah dalam keadaan beliau mempunyai bilangan tentera yang ramai dan kuat adalah betul dan benar serta wajib diikut mengapa Syiah tidak taat kepadanya? Kenapa Husein yang berperang melawan Yazid dalam keadaan beliau tidak memiliki tentera yang ramai dan kuat sehingga semua pengikutnya dibunuh adalah salah dan tidak betul kerana Husein ada keuzuran untuk tidak berperang.

Jika Husein beperang dengan Yazid dalam keadaan pengikutnya lemah sehingga anak dan pengikut-pengikutnya terbunuh adalah betul dan wajid ditaati, mengapa Syiah tidak mempertahankannya? Hassan memilih jalan berdamai dan menyerah jawatan khalifah kepada Muawiyah dalam keadaan ia mempunyai tentera yang kuat dan ramai adalah salah dan tidak betul. Jadi ini menyebabkan

34 Biharul Anwar jil 25/ms 350, Uyun Akhbar ar Ridha ms 326

mereka rahu-ragu dengan keabsahan kedua-dua imam ini dan mereka berbalah sama seperti orang awam.³⁵

HUBUNGAN WILAYAH FAKEH DENGAN IMAMAH

Bumi ini tidak pernah sekali-kali kosong dari hujah Allah, sejak dari Allah menciptakan Adam sehingga kini. Samada hujah itu ada secara zahir atau ghaib. Setiap zaman mesti ada hujah [Imam] sampai hari Kiamat. Jika keadaan dunia tidak ada hujah, maka tidak ada manusia yang akan menyembah Allah. Al-A'amasy berkata kepada Imam Ja'far 'Bagaimana manusia dapat mengambil manfaat dari seorang hujah yang ghaib? Beliau menjawab "Sebagaimana manusia mendapat manfaat dari matahari ketika ia dilindungi oleh awan."³⁶

Oleh kerana pegangan Syiah imam zaman wajib dikenali sedangkan Imam Mahdi yang ditunggu masih ghaib, lebih dari 1000 tahun, dan belum lagi muncul. Tugas Imam adalah penerus kenabian. Jika begitu pasti di dunia ini tidak ada manusia yang menyembah Allah. Justeru itu mereka mencipta pengganti kepada imam al Mahdi al Muntazar atau mereka sebut Imam zaman dengan '*Wilayah Faqeh*'. Iaitu kepimpinan Ayatollah-ayatollah. Kepimpinan ini bermaksud peribadi ayatollah yang mengambil alih tempat imam Mahdi al Muntazar sebagai sumber rujukan. Rujukan untuk mengeluarkan hukum syarak kepada pengikut-pengikut Syiah. Tempoh masa Wilayah Faqeh tamat, bersama dengan kemunculan imam Mahdi al Muntazar.

35 Al Qumi ; al Maqalat wal Firaq ms 25, an Naubakhti; Firaq as Syiah ms 25-26

36 Yanabi'u'l Mawaddah 1/27-28

Kedudukan Wilayah Faqeh setaraf dengan imam dan setaraf dengan rasul. Wilayah Faqeh juga bersifat maksum seperti imamah. Contoh Ayatollah Hasan Ruhani dipilih sebagai Presiden Iran tetapi beliau bukan pemimpin utama dan bukan sumber rujukan. Pemimpin yang menjadi rujukan dan mempunyai kedudukan yang paling mulia di Iran ialah Ayatollah Ali al Khamanei. Dialah sebagai pemegang Wilayah Faqeh di Iran. Bahkan menjadi sumber rujukan kepada pengikut Syiah di seluruh dunia.

Pemimpin Syiah hari ini menggunakan ‘wilayah faqeh’ untuk mencapai segala kemahuan mereka, dan mereka mendakwa berhak untuk meminda syariat dan memutuskan hukum baru. Hak kuasa ‘wilayah faqeh’ ini akan tamat bila muncul ‘Imam Mahdi al Muntazhar’.

Ayatullah Khomeini berkata “Sebahagian besar ulama’ Syiah pada masa ini, mereka memiliki ciri-ciri yang melayakkan mereka mengambil alih tempat imam yang maksum”.³⁷

Kata beliau lagi “mereka adalah hujah ke atas manusia sebagaimana Rasulullah saw menjadi hujah ke atas mereka, sesiapa yang tidak mentaati mereka maka Allah akan menghitung dan menyeksa di atas kesalahannya.”³⁸

Terdapat dalam perlumbagaan Iran yang berbunyi; Di zaman ketiadaan Imam al Mahdi al Muntazar, Allah telah menyegerakan jalan keluar dari

37 Al Hukumah Islamiah ms/113

38 Al Hukumah Islamiah ms/80

ketiadaannya dengan menjadikan wilayah faqeh di Jumhurriyah Iran Islamiah sebagai imamah kepada umat.³⁹

AQIDAH AR RAJ'AH DI SISI IMAM 12

Raj'ah merupakan bid'ah yang diadakan oleh Syiah. Raj'ah bermaksud kebangkitan semula ke dunia selepas mati. Iaitu kebangkitan ketika kemunculan Imam al Mahdi al Muntazar. Ia merupakan perkara usul dalam aqidah mereka.Ibnu Babawaih berkata:-

(واعتقادنا في الرجعة أنها حق)

Maksudnya ‘Raj’ah pada aqidah kami adalah perkara yang benar’.⁴⁰

Al Mufid berkata:-

(وتفق الإمامية على وجوب رجعة كثير من الأموات)

Maksudnya “Syiah imamiah bersepakat tentang wajib berlaku raj'ah kepada ramai dari kalangan orang-orang yang telah mati.”⁴¹

Sayyid al Murtadha dalam kitabnya al Masail an-Nusairiyah ada menyebut bahawa Abu Bakar dan Umar pada hari itu telah disalib, ketika kemunculan Imam al Mahdi al-Muntazar.

39 Dustur Jumhurriyah Iran Islamiah ms/16; Wizarah al Irshad

40 Al l'ttiqadat ms/90

41 Awail al Maqalat lil Mufid ms/51

Begitu juga dengan al Majlisi berkata “Apabila Imam al Mahdi datang maka dia akan menghidupkan Aisyah Ummul Mukminin dan dia akan menjalankan hukum hudud ke atas Aisyah.”⁴²

Raj’ah ialah kebangkitan semula ke dunia selepas mati, ketika muncul Imam Mahdi. Kebangkitan ini berlaku dikalangan semua imam-imam dan pengikut Syiah. Begitu semua musuh-musuh Syiah termasuk Abu Bakar, Umar dan para sahabat yang menentang Ali. Adapun Yahudi, Kristian dan atheis tidak dibangkitkan.

Ayatullah as-Sayyid Ibrahim al-Musawi dengan katanya:

“Raj’ah bermaksud dihimpunkan ketika bangkitnya al-Qaim al-Hujjah bin al-Hasan a.s. (al Mahdi) satu golongan yang merupakan pendokong-pendokong dan syi’ahnya yang telah mati untuk menerima pahala membela dan membantunya serta gembira dengan nyata kekuasaannya (al-Mahdi) dan satu golongan (yang telah mati) yang merupakan musuh-musuhnya untuk dibalas dan mereka akan menerima azab yang sepatutnya mereka terima dan akan dibunuh di hadapan syi’ahnya, mereka akan diaibkan dan dihina dengan disaksikan oleh syi’ahnya dan ia di sisi kami Imamiyyah Ithna ‘Asyariyah adalah khusus terhadap orang yang benar-benar beriman dan benar-benar kufur. Adapun yang lain mereka dibiarkan.”⁴³

TUJUAN RAJ’AH

42 Haqul Yakin li Muhammad al Baqir al Majlisi ms/347

43Aqaid al Imamiyah ithna Asyariyah jil.2 ms/228

Berdasarkan kenyataan ulama' Syiah di atas, dapat disimpulkan bahawa tujuan mereka beriktiqad dengan raj'ah adalah untuk membala dendam terhadap musuh-musuh mereka yang terdiri ahli Sunnah. Termasuk Abu Bakar, Umar, Aisyah dan para sahabat semuanya dibangkitkan ketika kemunculan al-Mahdi al-Qaim. Mereka disiksa dan dibunuhi dihadapan pengikut Syiah. Pengikut-pengikut Syiah bergembira dengan kekuasaan Imam al Mahdi dan gembira dapat membala dendam. Inilah pembalasan terhadap ahli Sunnah kerana merampas dan menentang Ali dan imam-imam selepasnya.

Oleh kerana itu pedang-pedang Syiah akan berlumuran darah sehingga menitik-nitik disebabkan terlalu ramai mereka membunuhi umat Islam. Abu Abdullah berkata 'Seolah-olah saya melihat Bahmaran bin A'yun dan Maisir bin Abdul Aziz sedang membunuhi umat Islam diantara Sofa dan Marwa'.⁴⁴

Mereka telah menentukan tempat pembunuhan itu di Masjidil Haram, inilah petanda bahawa yang dibunuhi oleh Syiah adalah umat Islam. Inilah impian mereka. Oleh itu mereka menggambarkan bagaimana puak Syiah Qaramitah telah membunuhi hampir 20,000 umat Islam dalam Masjidil Haram.⁴⁵ Mereka juga menisbahkan riwayat ini kepada ahli bait sebagai sandaran untuk menyokong tindakan mereka membala dendam terhadap ahli Sunnah kerana dakwaan menentang ahli bait.

AQIDAH AL-BADA' DI SISI SYIAH IMAM 12

44 Bihar an Anwar 40/53

45 Bidayah wan Nihayah Ibn Kathir jil 11 ms/160

Golongan Syiah mempercayai Allah bersifat dengan sifat al Bada' atau dengan kata lain bahawa Allah telah memulakan satu ketentuan baru setelah ketentuan awal gagal dilaksanakan. Golongan Syiah Imam 12 mempercayai bahawa al Bada' adalah termasuk dalam perkara usul aqidah mereka.

Sehingga ulama-ulama Syiah berkata;

(«مَا عَبْدَ اللَّهِ بِشَيْءٍ مُّثْلِ الْبَدَاءِ»)

Yang bermaksud (Tidak ada sesuatu ibadat kepada Allah seumpama al Bada')⁴⁶

Diantara ulama Syiah yang terawal mengasaskan pegangan al bada' ini adalah seorang tokoh ulama' yang terkenal di sisi Syiah sebagai 'Thiqatul Islam' yang bernama al Kulaini (mati 328H). Dia meletakkan satu bab khusus tentang bab al Bada' dalam kitabnya Usul al Kafi.

Kemudian diikuti ulama selepasnya yang bernama Ibnu Babawaih (mati 381H) juga telah meletakan satu bab khusus tentang bab al Bada' dalam kitabnya al I'ttiqadat yang dinamakan agama Imamiah.⁴⁷

Orang-orang Syiah mungkin berkata bahawa al Bada' itu hanya terdapat dalam kitab-kitab lama. Namun kini orang Syiah telah berubah. Walau bagaimana pun pegangan al Bada' masih menjadi pegangan pengikut-pengikut Syiah sehingga sekarang dan mereka tidak dapat menafikan hakikat ini. Pegangan aqidah al Bada'

⁴⁶Usul al Kafi,Kitab Tauhid; bab al Bada' (j1/146). Ibnu Babawaih,Kitab Tauhid;bab alBada' (m/s332). Bihar al Anwar,Kitab Tauhid;bab al Bada' (j4/107)

⁴⁷ Al I'ttiqadat (ms 89)

kita boleh dapati dalam penulisan Syiah terkini, terdapat lebih 25 penulisan tentang al Bada' dari kalangan ulama Syiah kontemporari seperti apa yang ditulis.⁴⁸

PENGERTIAN AL-BADA'

Asal makna al-Bada' adalah Jelas setelah tersembunyi. Timbul fikiran baru tentang sesuatu setelah melihat keadaan yang berlainan dari apa yang ada dalam pengetahuan seseorang (lahir pandangan yang baru). Bila kita amati kedua-dua maksud al bada' di segi bahasa, ia akan melazimi dua perkara.

- i. Ilmu Allah didahului dengan sifat jahil.
- ii. Berlaku perkara baharu dalam ilmu Allah.

Ini adalah perkara yang mustahil berlaku pada Allah SWT. Jika kedua-dua perkara ini disandarkan kepada Allah SWT ia adalah sebesar-besar kekufuran kepada Allah SWT. Sedangkan Syiah Imam 12 menjadikan ia sebagai sebesar-besar ibadat kepada Allah . Lihatlah apa yang dikatakan oleh ulama-ulama Syiah.

«ما عبد الله بشيء مثل البداء»

48 Al Muzaffar;Aqaid Imamiah (ms/169). Az Zinjani; Aqaid Imamiah isthna asariah (j 1/34). Az Zarii'at; Tasnif as Syiah

yang bermaksud (seseorang itu tidak beribadat kepada Allah dengan sesuatu seperti al Bada')⁴⁹. Ini adalah satu pembohongan yang besar terhadap Allah SWT.

AL-BADA' BERLAKU KEPADA IMAM-IMAM SYIAH

Pengikut-pengikut Syiah mempercayai bahawa al Bada' berlaku kepada Imam-imam mereka. Sebagai contoh apabila sesuatu berita yang disandarkan kepada Imam, kemudian berita tersebut tidak berlaku. Pengikut-pengikut Syiah akan mendakwa inilah al Bada' yang berlaku kepada Imam mereka.

Contoh:

An-Naubakhti menyebutkan bahawa Ja'afar bin Muhammad al-Baqir telah menentukan anaknya Ismail sebagai Imam sesudahnya dan beliau telah mengisyaratkan kepadanya semasa hidup lagi, tiba-tiba Ismail mati ketika beliau masih hidup. Maka Ja'afar pun berkata: "Tidak pernah berlaku kepada Allah (al-Bada') berhubung dengan sesuatu seperti mana berlaku kepadanya berhubung dengan Ismail anakku."⁵⁰

Bahkan ulama-ulama Syiah mendakwa Imam-Imam mereka mengetahui apa yang telah berlaku dan apa yang akan berlaku dan tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi dari mereka. Ini dakwaan ulama mereka:

49 Usul al Kafi,Kitab Tauhid; bab al Bada' (j1/146). Ibnu Babawaih,Kitab Tauhid;bab alBada' (m/s332). Bihar al Anwar,Kitab Tauhid;bab al Bada' (j4/107)

50 Firaq as Syiah (ms 84)

(يَعْلَمُونَ مَا كَانَ وَمَا يَكُونُ وَلَا يَخْفِي عَلَيْهِمُ الشَّيْءٌ)

Maksudnya; “mereka yakini imam-imam mengetahui apa yang telah berlaku dan apa yang akan berlaku tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi dari mereka.”⁵¹

Berdasarkan kenyataan ini imam-imam Syiah lebih hebat dari Allah SWT.

Ulama-ulama Syiah telah memberi harapan kepada pengikut-pengikut mereka, bahawa Imamah atau kepimpinan akan kembali kepada mereka dan daulah akan jadi hak mereka dalam tempoh 70 tahun. Riwayat ini disandarkan kepada Abi Jaafar Imam mereka yang ke-6. Setelah berlalu tempoh 70 tahun apa yang dijanjikan tidak berlaku, ini menyebabkan pengikut-pengikut mereka memprotes. Ulama-ulama Syiah berusaha mencari jalan penyelesaian terhadap isu ini, lalu mereka berkata sesungguhnya telah berlaku al Bada’ kepada Allah sehingga berlaku perubahan pada tempoh yang telah dijanjikan.⁵²

KESIMPULAN AL-BADA'

Berdasarkan apa yang telah ditulis dan apa yang telah dijelaskan oleh ulama-ulama Syiah bahawa Allah bersifat al Bada’ yang bermakna ilmu Allah didahului oleh sifat jahil dan berlaku perkara baharu dalam ilmu Allah. Oleh itu

51 Usul al Kafi (j1/260)

52 Tafsir al I'yaasi (2/218). Al Ghaibah Lit Tusi (m/s 263). Bihar al Anwar (4/214)

pada pegangan Syiah Allah itu bersifat jahil dan tidak mempunyai ilmu yang meliputi segala sesuatu.

Mereka tidak dapat menolak kenyataan ini kerana ia memang menjadi pegangan mereka. Allah bersifat al Bada' memang jelas dalam kitab-kitab muktabar di sisi Syiah Imam 12 seperti dalam kitab Usul al Kafi oleh Kulaini, Bihar al Anwar oleh Ibnu Babawaih begitu juga dalam penulisan-penulisan baru seperti Aqaid Imamiah oleh Al Muzaffar, Aqaid Imamiah Ishna Asariah oleh Az Zinjani. Begitu juga dakwaan mereka yang mengatakan imam-imam mereka mengetahui perkara yang telah berlaku dan apa yang akan berlaku, malah tidak ada sesuatu yang tersembunyi daripada imam-imam. Seolah-olah Imam-imam Syiah lebih hebat dari Allah SWT.

Semua dakwaan Syiah tentang al bada' berlaku kepada Allah dapat ditolak dengan ayat al Quran. Maha Suci Allah SWT dari apa yang mereka dakwakan dan apa yang mereka sifatkan. Firman Allah yang bermaksud "Dan kunci semua yang ghaib ada pada Nya, tidak ada yang mengetahui selain Dia. Dia yang mengetahui apa yang ada di darat dan di laut. Tidak ada sehelai daun yang gugur yang tidak diketahui-Nya, tidak ada sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak pula sesuatu yang basah atau yang kering, yang tidak tertulis dalam kitab yang nyata"⁵³. Ayat ini menjelaskan kepada kita tentang ilmu Allah SWT yang meliputi segalanya dan semuanya dalam ilmu Allah SWT sejak azali lagi.

53 Al Maidah ayat 59

AL QURAN DI SISI SYIAH IMAM 12

Al Quran adalah kitabullah yang terakhir diturunkan. Sama seperti Islam, ia adalah risalah agama yang terakhir kepada manusia. Islam adalah agama yang diredhai oleh Allah.

Oleh itu umat Islam secara ijmak mengatakan al Quran merupakan kalamullah dan mukjizat terakhir yang diturunkan kepada Nabi terakhir Muhammad saw melalui perantaraan Malaikat Jibril as, yang diriwayatkan kepada kita secara mutawatir, membacanya adalah ibadat, bermula dengan surah al Fatihah dan disudahi dengan surah an Nas⁵⁴.

Berbeza dengan Syiah, mereka mendakwa al Quran yang ada pada umat Islam hari ini, bukan al Quran yang diturunkan kepada Nabi saw. Bahkan mereka mendakwa telah berlaku penambahan, pengurangan dan penyelewengan terhadap al Quran. Ia dilakukan oleh sahabat-sahabat Nabi saw. Mereka mendakwa al Quran yang sebenarnya berada di sisi Imam Mahdi yang ghaib. Al Quran sebenar akan muncul bersama dengan Imam Mahdi di akhir zaman.

54 at Tibyan fi Ulumil Quran oleh Muhammad Ali as Sobuni ms/6.

Terdapat beratus-ratus riwayat palsu yang disandarkan kepada Imam-imam mereka berkaitan dengan penambahan, pengurangan dan penyelewengan terhadap al Quran, yang dilakukan oleh sahabat-sahabat Nabi saw.

Contoh apa yang dikatakan oleh tokoh mereka yang bernama Nikmatullah al -Jazairi “Bukanlah sesuatu yang pelik terdapat banyak berita-berita palsu dari sahabat-sahabat Nabi saw, selepas dari Baginda saw wafat. Mereka telah merubah dan menukar perkara-perkara yang besar dalam urusan agama ini. Mereka telah menukar dan merubah ayat-ayat al Quran. Mereka telah menyelewengkan ayat-ayat al Quran. Mereka telah menghapuskan ayat-ayat yang memuji keluarga Nabi saw dan imam-imam yang suci. Mereka telah menghapuskan ayat-ayat yang berkaitan dengan kaum munafiqin dan menghapuskan ayat-ayat yang menerangkan kejahatan mereka.”⁵⁵

Nikmatullah al-Jazairi tidak keseorangan dalam pendiriannya tentang berlaku penyelewengan terhadap al Quran. Ramai lagi dikalangan tokoh-tokoh Syiah yang sependapat dengan al Jazairi. Antaranya seperti al Kashani dalam kitab tafsir as Sofi jil 1ms 3, al Mufid dalam kitabnya Awail al Maqalat ms 19, al Hasan al A'mili dalam muqadimah tafsir, kitab *Mir'at an Anwar wa Miskatul Asrar* ms 36, al Janabizi dalam kitabnya *Bayan as Saadah fi Maqamatil Ibadat* ms 5-7, Yusof al Bahrani dalam kitabnya *Raudhah al Jinan* jilid 8 ms 203, al Iy'yassi dalam kitab tafsirnya *al Iy'yasi* jilid 1 ms 25, al Qumi dalam kitabnya *Muqaddimah Bihar* ms 128 dan tokoh hadis mereka al Kulaini dalam kitabnya *al Kafi* jilid 1 ms 445-447.

55 al Anwar an Nukmaniyah ms/97.

Kesimpulannya tokoh-tokoh ulama Syiah secara ijmak mengatakan berlaku penyelewengan terhadap al Quran. Ini dapat dibuktikan dengan pengegasan mereka secara ‘Ijmak dikalangan ahli kiblat yang terdiri *al ammah* [Ahli Sunnah wal Jamaah} dan *al khassah* [Syiah] bahawa al Quran yang berada ditangan umat Islam pada hari ini tidak sempurna dan berlaku penyelewengan, al Quran yang sebenar berada ditangan Imam al Mahdi al Muntazar’.⁵⁶

Contoh Penyelewengan ayat al Quran

1. Maksud firman Allah “ Sesungguhnya Allah telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga Imran melebihi segala umat [pada zaman masing-masing]”⁵⁷

Syiah mengatakan sahabat telah menghapuskan perkataan keluarga Muhammad selepas keluarga Imran.

2. Maksud firman Allah “ Wahai Rasul sampaikanlah apa yang diturunkan Tuhanmu kepadamu, jika tidak engkau menyampaikan apa yang diperintah itu bererti engkau tidak menyampaikan amanahNya.”⁵⁸

56 Fas'lul Khitab fi Ishbat kitab Rabbil Asbab ms 29

57 Ali Imran ayat 32

58 al Maidah ayat 67

Syiah mendakwa sahabat telah menghapuskan perkataan Ali selepas sampaikanlah apa yang diturunkan oleh Tuhanmu kepadamu tentang Ali.

Tujuan Dakwaan Penyelewengan al Quran

Diantara matlamat mereka mendakwa al Quran tidak sempurna dan berlaku penyelewengan kerana:-

- a. Membuktikan kewujudan al Imamah dalam aqidah mereka.
- b. Menolak kelebihan dan kedudukan para sahabat dalam al Quran.
- c. Mereka beriktikad tidak wajib melaksanakan perintah dan larangan yang terdapat dalam al Quran. Oleh itu mereka mendakwa ‘Segala kejahatan, kemaksiatan dan kemunafikan mereka tidak akan disiksa’.
- d. Bertaqiyah dengan al Quran.

AS SUNNAH DI SISI SYIAH

Mengikut pandangan ulama' Ahli Sunnah wal Jamaah, Syiah menolak Sunnah kerana mereka menolak hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat r.anhum.

Ada sebahagian dari riwayat Syiah yang mengatakan “Sesungguhnya semua perkara dirujuk kepada Kitab dan Sunnah, Mana-mana hadis yang tidak bertepatan dengan Kitabullah ia adalah perhiasan”⁵⁹

59 Al Bahbudi, Sohih al Kafi jil 1 ms 11

Bila kita meneliti teks dan riwayat Syiah, kita dapati mereka secara zahir menerima hadis tetapi secara batin menolak hadis. Kebanyakkan teks dan riwayat mereka menolak sunnah yang diguna pakai oleh Ahli Sunnah wal Jamaah. Ini dapat kita perhatikan dalam kefahaman dan perlaksanaan mereka terhadap hadis, begitu juga melalui sanad atau periwayatan hadis dan matan atau nas hadis yang berbeza dan bercanggah dengan Ahli Sunnah wal Jamaah. Diantaranya adalah melalui; -

Perkataan Imam sama seperti perkataan Allah dan perkataan Rasul.

Ini dapat kita perhatikan dalam definasi hadis Syiah “Semua perkataan atau perbuatan atau pengakuan daripada al maksum”⁶⁰ Seorang tokoh ulama; Syiah berkata ‘Sesungguhnya Syiah beriktikad bahawa Imam-Imam adalah maksum, jadi semua hadis-hadis yang terbit dari mereka adalah sohih, tanpa syarat sanad atau rawi sampai kepada Nabi saw’⁶¹. Ini kerana “Sesungguhnya al Imamah adalah penerus kenabian.”⁶²

Maksud al maksum di sisi mereka ialah bukan nabi sahaja bahkan semua imam-imam 12. Oleh itu mereka tidak bezakan perkataan daripada Nabi atau dari Imam-imam 12 sama saja disegi hujah. Taat kepada Imam-imam 12 bermakna taat kepada Allah. Maksiat kepada Imam-imam 12 bermakna maksiat kepada Allah.

60 Muhammad Taqi al Hakim, Usul ammah lil Fiqh al Muqaran ms 122

61 Abdullah Fayad, Tarikh al Imamiah ms 140

62 Muhammad Ridha al Muzaffar, Aqaid al Imamiah ms 166

Mereka tidak terima perawi hadis dari generasi sahabat. Semua sahabat disisi mereka adalah kafir termasuklah Abu Bakar as Siddiq dan Umar al Khatab. Bila mereka mengkafirkan semua sahabat bermakna mereka menolak semua hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat. Pada hakikatnya mereka menolak hadis yang diriwayatkan oleh sahabat bermakna mereka menolak Islam.

KITAB RUJUKAN HADIS YANG MUKTABAR DI SISI SYIAH

Terdapat empat buah kitab utama yang menjadi rujuan Syiah. Kitab-kitab utama ini adalah al Kafi, at Tahzib, al Istibshar dan Man La Yahduruhu al Faqih. Kata seorang tokoh ulama' Syiah bernama Muhammad Sodiq as Sadar 'Syiah sepakat atau ijmak mengatakan, semua riwayat yang terdapat dalam empat buah kitab tersebut semua adalah sohih'⁶³.

Begitu terdapat empat buah kitab yang ditulis oleh ulama' Syiah iaitu al Wafi, Bihar an Anwar, al Wasail dan Mustadrak al Wasail juga sebagai rujukan. Oleh itu ada lapan buah kitab yang utama menjadi rujukan Syiah, seperti yang ditegaskan oleh Muhammad Soleh al Ha'iri 'Kitab sohih di sisi Syiah ada lapan buah kitab, empat buah ditulis oleh tiga orang Muhammad yang awal, manakala tiga buah ditulis oleh tiga orang Muhammad yang kemudian dan yang kelapan ditulis oleh Muhammad Husein seorang ulama' yang sezaman dengan an Nuri'⁶⁴.

Masa Penyusunan Kitab

63 al Mazindarani, Syarah Jamie al Kafi jil 2 ms 272

64 Minhaj Amali Lit Taqrif[Maqal lil Rafidhi Muhammad al Ha'iri kandungan Kitab al Wehdah al Islamiah ms 233

Bila kita perhatikan empat buah kitab yang terakhir ini, telah disusun atau ditulis pada kurun yang ke 11 dan kurun berikutnya. Antara yang paling akhir ditulis oleh an Nuri at Tabrasi [mati 1320H]. Beliau telah mengumpul sebanyak 13,000 daripada Imam-imam. Hadis-hadis tersebut tidak pernah ditemui sebelum ini. Tempoh masa antara beliau dengan Imam Mahdi al Muntazar yang ghaib pada 261 H hampir seribu tahun.

Bagaimanakah orang yang berakal dapat menerima dan mempercayai hadis-hadis tersebut? Hadis-hadis tersebut tidak pernah dijumpai atau tidak pernah tercatit hampir-hampir 11 kurun, tentulah ini sesuatu amat tidak dapat diterima oleh akal yang waras. Sesuatu yang ajaib berlaku bila ada penulis kitab ini mengakui hadis-hadis tersebut dijumpai dalam kitab-kitab lain bukan dari dari kitab-kitab mereka yang muktabar. Al Majlisi berkata “Alhamdulillah terdapat 200 kitab yang aku kumpul dalam kitab Bihar al Anwar bukan daripada empat buah kitab muktabar kami.”⁶⁵ Begitu juga dengan an Nuri at Tabrasi, beliau mengaku telah menjumpai sebahagian kitab-kitab yang belum disusun sebelum ini. Ini ditegaskan oleh Agha Yazrik at Tehrani berkata “Faktor yang mendorong an Nuri at Tabrasi menyusun kitab adalah kerana beliau terjumpa kitab-kitab yang penting tetapi tidak tercatit dalam kitab-kitab muktabar sebelum ini.”⁶⁶

Kesimpulannya hadis mereka tidak sama dengan hadis kita kerana; -

- a. Berbeza dari segi definasi hadis.

65 Iktiqadat al Majlisi ms 24 dan Mustafa as Syi'ie, al Fikr as Syi'ie ms 61.

- b. Nas hadis kita mesti dari perkataan atau perbuatan atau ikrar Nabi saw. Nas hadis mereka tidak mesti dari Nabi cukup dari al maksum imam-imam.
- c. Hadis sohih kita perawinya mesti sampai kepada Nabi saw. Hadis sohih mereka tidak perlu perawinya sampai kepada al maksum.

SAHABAT DI SISI SYIAH

Umat Islam Ahli Sunnah wal Jamaah amat menghormati para sahabat r.anhum, kerana merekalah Islam sampai kepada kita. Kita diperintah supaya memuliakan para sahabat r.anhum Sabda Nabi saw yang bermaksud “Semua sahabat adalah adil”.

Ibnu Hajar berkata memberi definisi sahabat “Sesiapa yang bertemu dengan Nabi saw, dan beriman dengan risalah Islam serta mati dalam keadaan beriman.”

Manakala dalam semua kitab Syiah, terutama yang muktabar telah memuatkan riwayat-riwayat yang mengkafirkan, melaknat, memaki hamun dan *tabarra'* yang bermaksud mereka tidak ada hubungan dan kaitan dengan para sahabat. Mereka melaknatkan semua para sahabat r.anhum, termasuk sahabat-sahabat besar Rasulullah saw seperti Abu Bakar as Sidiq r.a, Umar al Khatab r.a, Uthman bin Affan r.a. Begitu juga para isteri-isteri Nabi saw tidak terlepas dari maki hamun dan dilaknat terutama Aisyah r.anha dan Hafsah r.anha.

Ini bermakna mereka melaknatkan dan mengkafirkan seramai 123,992 orang sahabat yang telah menunaikan haji wida' bersama Nabi saw, kecuali sebahagian kecil keluarga Nabi saw seperti Ali bin Abi Talib r.a, Fatimah az Zahrah

r.anha, Hasan dan Husein dan empat orang sahabat iaitu Salman al Farisi, Ammar bin Yasser, al Miqdad dan Abu Dzar.

Husein bin Thuwair dan Abi Salmah as Sarraj berkata “Kami mendengar Abu Abdillah a.s melaknat selepas setiap sembahyang fardhu empat orang lelaki dan empat orang perempuan iaitu sifulan, sifulan,sifulan dan Muawiyah serta ia menyebut nama mereka dan sifulanah,sifulanah, Hindun dan Ummu al Hakam saudari perempuan Muawiyah.”⁶⁷

Yang dimaksudkan dengan sifulan di dalam kitab-kitab Syiah yang pertama Abu Bakar, kedua Umar dan ketiga Uthman, sementara sifulanah yang pertama adalah Aisyah dan kedua Hafsa.

Apakah Tujuan Mereka Mengkafirkan Para Sahabat Radiyallah. Anhum?

Diantara objektif utama mereka mengkafirkan para sahabat radiyallah.anhum ialah;

- a. Menolak ajaran Islam yang dipegangan oleh Ahli Sunnah wal Jamaah dan mendakwa merekalah Ahli Sunnah yang sebenarnya.
- b. Menolak al Quran kerana disusun oleh para sahabat yang murtad.
- c. Menolak Hadis Nabi saw kerana diriwayatkan oleh para sahabat yang murtad.
- d. Menuduh Allah SWT tidak bijak kerana memilih para sahabat radiyallah anhum semuanya murtad kecuali beberapa orang sahaja yang tidak murtad.

⁶⁷ al Kulaini al Furu' min al Kafi jil 3 ms 343

Ini jelas sekali amat bercanggah dengan ajaran Islam. Kita diperintah oleh Rasulullah saw mencintai mereka dan menjadikan mereka contoh tauladan. Para sahabat penulis wahyu, para sahabatlah periwayat Hadis Nabi saw. Banyak hadis-hadis nabai saw yang sohih menegaskan tentang kedudukan para sahabat radiyallah.anhum sebagai contoh sabda Nabi saw “Tanda beriman adalah mencintai orang-orang Ansar dan tanda munafiq membenci orang-orang Ansar.”

Riwayat Imam Bukhari

“Jangan kamu mencela sahabat-sahabatku, demi Allah yang diri aku berada di dalam gengamanNya jika kamu berbelanja emas sebesar bukit Uhud nescaya tidak sampai secupak atau setengah cupak pun dari apa yang sahabat-sahabatku yang telah berikan.”(Mutafaqun alaihi)

TAQIYAH DI SISI SYIAH

Taqiyah adalah menyembunyikan atau merahsiakan sesuatu yang terdapat dalam hati dan menzahirkan yang sebaliknya. Seorang tokoh Syiah yang bernama al Mufid telah mendefinsikan taqiyah dengan katanya “Taqiyah adalah menyembunyikan atau merahsiakan iktikad atau pegangan daripada musuh, menyatakan secara zahir bersama dengan musuh demi menjaga agama dan dunia.”⁶⁸

Secara mudah untuk kita fahami maksud taqiyah adalah mereka menzahirkan identiti sebagai ahli sunnah, dan merahsiakan identiti mereka yang sebenar iaitu Syiah. Contoh kenyataan Baradei “saya menzahirkan amalan ahli sunnah tetapi aqidah saya Syiah”

TAQIYAH ADALAH RUKUN AGAMA

Agama Syiah dibina atas asas taqiyah. Abu Abdullah berkata “Sesungguhnya kamu berada di atas agama jika kamu bertaqiyah dan Allah akan memuliakan kamu. Sesiapa yang mengiklankan agamanya maka Allah akan menghinanya”⁶⁹

Ajaran ini merupakan ajaran yang amat penting dalam ajaran Syiah. Ia salah satu diantara rukun atau asas agama. Ini ditegaskan oleh al Kulaini yang mengatakan sembilan per sepuluh dari ajaran Syiah ditegakkan atas dasar taqiyah.

68 Syarh Aqaid as Saduq ms 261

69 Usul al Kafi, jil1 ms222

Dari Jaafar bin Muhammad berkata “Sembilan persepuhl agama diasaskan atas dasar taqiyah, tidak dikatakan beragama sesiapa yang tidak bertaqiyah.”⁷⁰

KEDUDUKAN TAQIYAH

Taqiyah adalah tingkah laku Syiah yang dipraktikkan secara kolektif. Amalan yang telah sebatи dengan kehidupan masyarakat Syiah. Amalan ini perlu diamalkan sehingga kemunculan Imam Mahdi al Muntazar. Ibnu Babawaih menegaskan kewajibpan beramal dengan taqiyah dalam kitabnya Iktiqadat “Taqiyah adalah wajib, hukumnya tidak terangkat sehingga kemunculan *al Qaim* al Mahdi, sesiapa yang tidak bertaqiyah sebelum kemunculan al Mahdi ia terkeluar dari agama dan terkeluar dari agama Imamah, ini bercanggah dengan Allah dan Rasul dan Imamah.”⁷¹

Orang yang terbaik dikalangan mereka dinilaikan berdasarkan siapakah yang paling kuat bertaqiyah. Ali bin Musa ar Ridha berkata “Tidak beriman, sesiapa yang tidak bertaqiyah, sesungguhnya orang yang paling baik di sisi Allah adalah orang bertaqiyah dengan bersungguh.” Ada seorang telah bertanya kepadanya; wahai cucu Rasulullah! Sampai bilakah perlu bertaqiyah? Dia menjawab “Sehingga sesuatu waktu yang dimaklumkan, iaitu hingga kemunculan al Mahdi, maka sesiapa yang tidak bertaqiyah sebelum kemunculan al Mahdi, dia bukan sebahagian daripada kami.”⁷²

70 Usul al Kafi, jil2 ms 217

71 al Iktiqadat ms 114-115

72 Ibnu Babawaih, Ikmal ud Din ms335

HUKUM TAQIYAH

Syiah tidak berpandangan taqiyah sebagai *rukhsah* iaitu kelonggaran yang diberikan oleh Allah dalam keadaan darurat yang mengancam maruah, nyawa dan agama. Pada mereka hukumnya adalah wajib. Oleh itu Syiah mengatakan sesiapa yang tidak bertaqiyah sama seperti meninggalkan solat. Ibnu Babawaih berkata ‘Kami beritiqad taqiyah adalah wajib. Sesiapa yang tidak bertaqiyah sama seperti meninggalkan solat.’⁷³

Mereka sanggup berdusta atas nama Rasulullah saw untuk mengatakan kewajipan taqiyah. Mereka telah mencipta hadis palsu yang disandarkan kepada Rasulullah saw yang bermaksud “Meninggalkan taqiyah seperti meninggal solat.”⁷⁴

Ajaran ini amat bertentangan dengan ajaran Islam.

73 al Iktiqadat ms114

74 Jami'e ul Akhbar ms 110 dan Bihar an Anwar 75/412

NIKAH MUT'AH DI SISI SYIAH

Nikah mut'ah memdapat kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi mereka. Ini seperti yang ditegaskan oleh Mulla Fathullah al Kaashani dalam kitab tafsirnya, beliau berkata ‘Mut’ah adalah agamaku dan agama bapaku, Sesiapa yang beramal dengan mut’ah maka ia beramal dengan agama kami, dan sesiap yang mengengkari mut’ah maka ia telah mengengkari agama kami, bahkan dia tidak beragama dengan agama kami. Anak hasil dari nikah mut’ah lebih baik dari anak hasil nikah biasa. Barang siapa yang engkar mut’ah, dia telah kufur dan murtad’⁷⁵.

Ibnu Babawah al Qumi dalam kitabnya berkata dari Abdullah bin Sinan dari Abi Abdullah berkata “Sesungguhnya Allah SWT telah mengharamkan ke atas kami semua minuman yang memabukkan, dan Allah telah menggantikannya dengan mut’ah.”⁷⁶

Kemudian Mulla Fathullah al Kaashani menyebut dalam kitab tafsirnya “Nabi saw bersabda sesiapa yang bermut’ah sekali maka Allah akan bebaskannya 1/3 dari nereka, sesiapa yang bermut’ah dua kali maka Allah akan bebaskannya

75 Tafsir Minhaj as Sodiqin oleh Mullah Fathullah al Kaashani; jil 2 ms 495.

76 Man La Yahduruha al Faqeh oleh Ibnu Babawah al Qumi ms 330.

2/3 dari neraka, dan sesiapa yang bermut'ah tiga kali maka Allah akan bebaskan dia sepenuhnya dari neraka.”⁷⁷

Dalam kitab yang sama Rasulullah saw bersabda “Barang siapa bermut'ah sekali, dia akan mendapat kedudukan seperti Husein. Barang siapa bermut'ah dua kali, dia akan mendapat kedudukan seperti Hasan. Barang siapa bermut'ah tiga kali, dia akan mendapat kedudukan seperti Ali. Barang siapa bermut'ah empat kali, dia akan mendapat kedudukan seperti ku.”⁷⁸

Berapa kali disyaratkan bermut'ah?

Syiah tidak meletakan berapa kali untuk bermut'ah. Terserah kepada masing-masing. Ini kita dapat perhatikan dalam kitab-kitab Syiah antaranya seperti kitab Furu' min al Kafi, at Tahzib dan al Istibshar. Dari Zararah dari Abi Abdullah berkata; aku bertanya tentang mut'ah kepadanya adakah ia terdiri dari kalangan empat orang isteri? Dia menjawab “Kahwinlah seribu orang dari kalangan perempuan kerana mereka adalah perempuan sewaan.”⁷⁹

Dari Muhammad bin Muslim dari Abi Jaafar berkata tentang mut'ah “Ia bukan terdiri dari kalangan empat orang isteri, kerana perempuan itu tidak boleh diceraikan dan tidak boleh mewarisi, dia hanyalah perempuan sewaan.”⁸⁰

77 Tafsir Manhaj as Sodiqin oleh Mullah Fathullah al Kaashani jil 2 ms 492-493

78 Tafsir Manhaj as Sodiqin oleh Mullah Fathullah al Kaashani jil 2 ms 492-493

79 Furu' min al Kafi oleh Kulaini jil 5 ms 451

80 At Tahzib jil 2 ms 188.

Al Kulaini dalam kitabnya Furu' min Al Kafi meriwayatkan dari Muhammad bin Khalid dari Khalaf bin Hamad berkata ‘aku mengutuskan orang kepada Abi Hasan a.s untuk bertanya berapa tempoh paling singkat untuk bermut’ah. Adakah harus seorang bermut’ah dengan syarat sekali persetubuhan sahaja? Abi Hasan menjawab “Ya!”⁸¹

Nikah mut’ah jelas sekali bercanggah dengan nikah yang dijalankan oleh Ahli Sunnah wal Jamaah. Kerana perkahwinan dalam Islam ada rukun dan syaratnya. Antaranya mesti ada;-ijab dan qabul iaitu lelaki dan perempuan, wali, dua saksi dan mahar.

Hakikatnya nikah mut’ah adalah pelacuran atas nama agama. Ia semata-mata nafsu. Tujuan utamanya adalah hendak menghancurkan zuriat manusia, kerana anak hasil mut’ah tidak dapat ditentukan siapa bapanya jika seorang perempuan dalam sebulan boleh berkahwin dengan ramai lelaki. Sebenarnya ini adalah kerja iblis yang berjanji dengan Allah SWT menghancurkan zuriat Adam.

PENUTUP

Ulamak ahli sunnah dan ulamak Syiah bersepakat bahawa Abdullah bin Saba’ adalah orang yang pertama menanam benih fikrah dan akidah Syiah. Begitu juga mereka bersepakat mengatakan bahawa Abdullah bin Saba’ memang seorang yang benar-benar wujud bukan khayalan atau dogeng. Antaranya Saad bin Abdullah al Qumi seorang tokoh ulamak Syiah yang mati pada tahun 301 H

81 Furu' min al Kafi jil 5 ms 291

mengakui hakikat kewujudan Abdullah bin Saba', dia menyebut nama-nama pengikut yang berkomplot dengan Abdullah bin Saba'. Mereka dikenali dengan puak 'as Sabai'yah'.

Hakikatnya ajaran Syiah diasaskan oleh Yahudi bertopengkan Ahli Bait untuk mengelabui, merosakan dan menghapuskan umat Islam atas nama Islam. Sedangkan Ahli Bait tidak ada hubungan dan tidak ada kaitan dengan dakwaan itu. Ahli Bait berpegang dengan ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah.

Begitu juga dengan konsep tasawwur Syiah amat berbeza dan asing dari ajaran Islam seperti yang di bawa oleh junjungan Nabi Muhammad saw. Ini jelas apa yang ditegas tokoh hadis mereka al Kulaini yang meriwayatkan dari Abu Abdullah "Setiap perkara yang bercanggah dengan *al ammah* [Ahli Sunnah wal Jamaah] maka ambillah sebagai pegangan kerana itulah petunjuk". Oleh kerana mereka tidak terima al Quran yang ada pada kita melainkan kerana taqiyah. Mereka tidak menerima hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat kerana sahabat murtad.

Perbezaan ini dapat kita lihat dengan jelas dan ketara, bila kita mengkaji tentang doktrin-doktrin yang menjadi pegangan mereka seperti doktrin al Imamah, raj'ah, al bada', takfir sahabat, al Quran tidak sempurna, nikah mut'ah, al Mahdi al Muntazar, dan banyak lagi.

Akhir sekali penulis berpendapat perbezaan antara Ahli Sunnah wal Jamaah dengan Syiah bukan perbezaan mazhab tetapi adalah perbezaan aqidah. Contoh perbezaan dalam ahli sunnah wal jamaah adalah seperti perbezaan antara Imam Shafie dengan Imam Abu Hanifah dalam sapu kepala ketika berwudhuk.

Perbezaan bukan wajib atau tidak sapu kepala,tetapi kedua-dua kata wajib tetapi cukup sekadar sapu di kepala sudah terlaksana wajib sapu kepala ketika berwudhuk. Ada pun Imam Abu Hanifah kata kena sapu semua kepala baru terlaksana wajib. Jadi perbezaan mereka berkisar tentang cara sapu kepala ketika berwudhuk dan pemahaman dalil.

Berbeza dengan Syiah ia bukan mazhab dalam Islam, tetapi ajaran baru yang dicipta oleh Abdullah bin Saba' dan diislamisasikan dengan bertopengkan Ahli Bait bertujuan merosakkan Islam dari dalam.

Wallahu a'lam